

KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI
MINISTRY OF SCIENCE, TECHNOLOGY AND INNOVATION

NUKLEAR MALAYSIA

AgensiNuklearMalaysia @NuklearM nuklearmalaysiaofficial @agensinuklearmalaysia133

PELAN ANTIRASUAH ORGANISASI 2026 | 2030

AGENSI NUKLEAR MALAYSIA

www.nuclearmalaysia.gov.my

KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI
Agensi Nuklear Malaysia
Bangi, 43000 Kajang, Selangor Darul Ehsan
Tel: 03-8911 2000 | Web: www.nuclearmalaysia.gov.my

Perpustakaan Negara Malaysia Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan
PELAN ANTIRASUAH ORGANISASI: AGENSI NUKLEAR MALAYSIA
2026-2030

1. Malaysia. Agensi Nuklear -- Corrupt practices.
2. Corruption -- Malaysia.
3. Corruption -- Government policy -- Malaysia.
4. Corruption -- Prevention -- Malaysia.
5. Bribery -- Malaysia.
6. Government publications -- Malaysia.

Diterbitkan oleh:
Unit Integriti Agensi Nuklear Malaysia
Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi
Bangi, 43000 Kajang, Selangor Darul Ehsan

HAK CIPTA TERPELIHARA
Sebarang edaran atau penghasilan semula mana-mana bahagian atau keseluruhan kandungan dalam apa jua bentuk adalah dilarang. Sebarang pengeksploitasian untuk tujuan komersial tanpa kebenaran bertulis adalah tidak dibenarkan sama sekali.

PELAN ANTIRASUAH ORGANISASI: AGENSI NUKLEAR MALATSIA 2026 - 2030

PERNYATAAN KOMITMEN PENGURUSAN TERTINGGI i
AMANAT KETUA PENGARAH AGENSI NUKLEAR MALAYSIA ii
RINGKASAN EKSEKUTIF iii
SENARAI SINGKATAN iv

BAB 1: PENGENALAN 1
Latar Belakang dan Hala Tuju
Latar Belakang 2
Hala Tuju 3
Objektif 3
Dasar Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan dan Alam Sekitar 3
Dasar Kualiti 3

Fungsi Agensi Nuklear Malaysia 3

Dasar Integriti Agensi Nuklear Malaysia 4

Logik Akal *(Common Sense)* dalam Konteks Tatakelola, Integriti dan Rasuah 5

Cabaran Menangani Rasuah Organisasi 6

Punca Rasuah di Nuklear Malaysia 6

Langkah-Langkah Komprehensif 7

Bidang-Bidang Berisiko 7

BAB 2: PENGUKUHAN ASPEK GOVERNANS, INTEGRITI DAN ANTIRASUAH 8
Keperluan kepada Kerangka Pelan Antirasuah Organisasi 9

Kerangka Pelan Antirasuah Organisasi
Ringkasan Pelan Antirasuah Organisasi Nuklear Malaysia 2026-2030 9

Bidang Keutamaan Berisiko Pelan OACP 10

Tiga Strategi Pelan Antirasuah Organisasi 10

Mengenalpasti Potensi Risiko Rasuah 10

BAB 3: MEMPERKASA USAHA PENCEGAHAN RASUAH (SENARAI INISIATIF 2026-2030) **11**
Bidang Keutamaan 1: Pentadbiran 12
Objektif Strategik 1.1: Meningkatkan kecekapan pengurusan kewangan agensi. 12
Objektif Strategik 1.2: Meningkatkan disiplin dan integriti kakitangan. 13

Bidang Keutamaan 2: Infrastruktur 14
Objektif Strategik 2.1: Meningkatkan keselamatan fizikal dan sinaran. 14
Objektif Strategik 2.2: Meningkatkan penyelenggaraan aset, infrastruktur fizikal dan maya (ICT). 15

Bidang Keutamaan 3: Penyelidikan dan Pengkomersialan 15
Objektif Strategik 3.1: Meningkatkan impak aktiviti penyelidikan dan teknologi berkaitan nuklear dan sinaran. 15
Objektif Strategik 3.2: Meningkatkan pencapaian pengkomersialan hasil penyelidikan dan perkhidmatan teknikal. 16

BAB 4: PELAKSANAAN DAN PEMANTAUAN USAHA PENCEGAHAN RASUAH **17**
Mekanisme Pelaksanaan 18
a. Mesyuarat Jawatankuasa Tatakelola (JTK) Peringkat Kementerian 18
b. Mesyuarat Jawatankuasa Tatakelola (JTK) Nuklear Malaysia 18
c. Mesyuarat Jawatankuasa Pelaksanaan dan Pemantauan OACP Nuklear Malaysia 18

Mekanisme Penyelarasan, Pemantauan dan Penilaian 19

BAB 5: KESIMPULAN DAN HARAPAN MASA HADAPAN **20 - 21**

PENGHARGAAN **22**



PERNYATAAN KOMITMEN PENGURUSAN TERTINGGI

Pelan Antirasuah Organisasi *(Organisational Anti-Corruption Plan – OACP)* Agensi Nuklear Malaysia (Nuklear Malaysia) 2026–2030 merupakan dokumen penting yang menterjemahkan iltizam dan komitmen padu Nuklear Malaysia dalam membendung sebarang amalan atau perlakuan yang berkaitan dengan rasuah, penyelewengan, isu integriti, dan kelemahan tadbir urus (governans).

Dokumen OACP 2026-2030 ini dibangunkan selaras dengan **Strategi Pembanterasan Rasuah Nasional (NACS) 2024–2028** di bawah Strategi Sub-Bidang Kebertanggungjawaban Awam, yang mewajibkan agensi sektor awam membangunkan pelan pencegahan rasuah organisasi berdasarkan penilaian risiko antirasuah yang menyeluruh. NACS merupakan kesinambungan daripada Pelan Antirasuah Nasional (NACP) 2019–2023 yang dirangka sebagai kerangka kerja komprehensif bagi menggembleng usaha menangani pelbagai isu tata kelola, integriti, dan pencegahan rasuah di peringkat nasional.

Kerangka dasar, strategi, dan inisiatif di dalam OACP Nuklear Malaysia ini telah dirangka menerusi siri bengkel, perbincangan, dan sesi libat urus bersama pihak pengurusan tertinggi, pegawai-pegawai kanan, serta wakil daripada setiap bahagian dan unit utama di bawah Nuklear Malaysia. Pembentukan Jawatankuasa Pelaksanaan dan Pemantauan Pelan Antirasuah Organisasi (JKPPOACP) telah membolehkan penilaian risiko berasaskan tiga (3) bidang keutamaan utama, iaitu **Pentadbiran, Infrastruktur**, serta **Penyelidikan** dan **Pengkomersialan** dijalankan secara sistematik.

Bagi memastikan kejayaan pelaksanaan OACP ini, seluruh warga kerja Nuklear Malaysia perlulah memberikan sepenuh komitmen dan disiplin terhadap pelaksanaan **34 inisiatif strategik** yang dirancang. Langkah ini amat kritikal bagi memastikan visi agensi iaitu "Menerajui Penyelidikan, Pembangunan, Pengkomersialan dan Inovasi (R&D&C&I) dalam Sains dan Teknologi Nuklear untuk Pembangunan Negara yang Mampan" serta Misi "Mencipta kekayaan, menjana pengetahuan baru dan memacu pertumbuhan ekonomi dan kesejahteraan sosial menerusi sains dan teknologi nuklear ke arah kemakmuran bersama" dapat direalisasikan sepenuhnya menjelang tahun 2030.



AMANAT KETUA PENGARAH AGENSI NUKLEAR MALAYSIA



Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera,

Rasuah dan penyelewengan merupakan ancaman yang meruntuhkan reputasi serta kepercayaan terhadap sesebuah organisasi. Agensi Nuklear Malaysia (Nuklear Malaysia) bertekad untuk mengamalkan tahap integriti dan tatakelola yang tinggi dalam semua perkhidmatan yang disampaikan.

Bagi mendukung agenda negara serta Strategi Pembanterasan Rasuah Nasional (NACS) 2024-2028, Nuklear Malaysia menerbitkan **Pelan Antirasuah Organisasi: Agensi Nuklear Malaysia 2026-2030**. Pelan ini memfokuskan kepada penambahbaikan berterusan di tiga (3) bidang keutamaan berisiko iaitu Pentadbiran, Infrastruktur, serta Penyelidikan dan Pengkomersialan.

Penerapan logik akal (common sense) dan disiplin yang tinggi amat penting dalam setiap proses kerja bagi memastikan keputusan dibuat secara telus dan saksama. Kejayaan pelan ini bergantung sepenuhnya kepada komitmen dan iltizam warga kerja serta rakan strategik agensi untuk mempraktikkan budaya sifar kompromi terhadap rasuah.

Semoga pelaksanaan Pelan Antirasuah Organisasi : Agensi Nuklear Malaysia 2026-2030 ini dapat memperkukuh peranan Nuklear Malaysia sebagai Organisasi Teknikal yang berintegriti tinggi, berwibawa, dan dihormati di peringkat tempatan mahupun antarabangsa.

Sekian, terima kasih.

DR. MUHAMMAD RAWI BIN MOHAMED ZIN
Ketua Pengarah
Agensi Nuklear Malaysia





RINGKASAN EKSEKUTIF

Penyediaan Pelan Antirasuah Organisasi : Agensi Nuklear Malaysia 2026–2030 adalah berpandukan Strategi Pembanterasan Rasuah Nasional (NACS) 2024–2028 di bawah Strategi Sub-Bidang Kebertanggungjawaban Awam, yang mewajibkan agensi sektor awam membangunkan pelan pencegahan rasuah organisasi berdasarkan penilaian risiko antirasuah yang menyeluruh. NACS merupakan kesinambungan daripada Pelan Antirasuah Nasional (NACP) 2019–2023 yang dirangka sebagai kerangka kerja komprehensif bagi menggembleng usaha menangani pelbagai isu tatakelola, integriti, dan rasuah di peringkat nasional.

Ini juga selaras dengan Arahan YAB Perdana Menteri No. 1 Tahun 2018 Siri 2, No. 1 Tahun 2019 berkaitan Pemantapan Governans, Integriti dan Antirasuah Dalam Pengurusan Pentadbiran Kerajaan Malaysia. Pelan Antirasuah Organisasi : Agensi Nuklear Malaysia 2026–2030 ini merupakan sebuah dokumen utama yang menggariskan tindakan menyeluruh dan bersepadu untuk memerangi rasuah dalam organisasi.

- **BAB 1:** Menerangkan latar belakang, visi, misi dan inisiatif organisasi dalam usaha ke arah memerangi rasuah dan memupuk budaya integriti dalam kalangan warga Nuklear Malaysia.
- **BAB 2:** Memberi tumpuan kepada tiga (3) bidang keutamaan berisiko iaitu Pentadbiran, Infrastruktur, serta Penyelidikan dan Pengkomersialan menerusi strategi dan inisiatif berfokus.
- **BAB 3:** Meliputi perincian 34 inisiatif mengikut bidang keutamaan, objektif strategik, serta unit/bahagian peneraju.
- **BAB 4:** Merangkumi aspek penyelarasan mekanisme pelaksanaan, pemantauan serta penilaian pencapaian.
- **BAB 5:** Merangkumi rumusan keseluruhan, kesimpulan serta aspirasi masa hadapan dalam menjayakan pelaksanaan pelan.

SENARAI SINGKATAN

SINGKATAN	MAKSUD / KETERANGAN
ABT	Akaun Belum Terima
BKT	Bahagian Pengkomersialan Teknologi
BAB	Bahagian Agroteknologi dan Biosains
BAS	Bahagian Teknologi Sisa dan Alam Sekitar
BKJ	Bahagian Kejuruteraan
BKP	Bahagian Khidmat Pengurusan
BTP	Bahagian Teknologi Perubatan
BST	Bahagian Sokongan Teknikal
CCTV	Closed-Circuit Television
CRANE	Pusat Penyelidikan dan Aplikasi Tenaga Nuklear
CRM	Pelan Pengurusan Risiko Rasuah
CTBT	Triti Pengharaman Menyeluruh Ujian Senjata Nuklear
DKICT	Dasar Keselamatan ICT





SINGKATAN	MAKSUD / KETERANGAN
GTP	Program Transformasi Kerajaan
IAEA	Agensi Tenaga Atom Antarabangsa
JTK	Jawatankuasa Tatakelola
JKAP	Jawatankuasa Audit Peralatan
JKPPOACP	Jawatankuasa Pelaksanaan dan Pemantauan Pelan Antirasuah Organisasi
JPM	Jabatan Perdana Menteri
MINT	Institut Penyelidikan Teknologi Nuklear Malaysia
MOSTE	Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar
NACS	Strategi Pembanterasan Rasuah Nasional
OACP	Pelan Antirasuah Organisasi
PIN	Pelan Integriti Nasional
PUSPATI	Pusat Penyelidikan Atom Tun Ismail
R&D	Penyelidikan dan Pembangunan
R&D&C&I	Penyelidikan, Pembangunan, Pengkomersialan dan Inovasi

SINGKATAN	MAKSUD / KETERANGAN
RMC	Pusat Pengurusan Penyelidikan
SISPAA	Sistem Pengurusan Aduan Awam
SOP	Standard Operating Procedure
SPM	Sistem Perakaunan Makro
SPRM	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia
UKF	Unit Keselamatan Fizikal
UPA	Unit Perolehan dan Aset
UPPH	Unit Perkhidmatan, Perjawatan dan HRMIS
UTN	Unit Tenaga Nuklear



BAB 1
PENGENALAN



PENGENALAN



Bab ini menerangkan latar belakang organisasi, rancangan, tindakan dan inisiatif Agensi Nuklear Malaysia dalam memerangi rasuah dan menyuburkan budaya integriti dalam kalangan warga kerjanya. Pihak Pengurusan Tertinggi sangat memandang serius terhadap isu integriti dan tadbir urus agensi. Ini dibuktikan dengan komitmen yang diberikan dalam pembangunan dokumen OACP bagi memastikan Nuklear Malaysia menjadi sebuah agensi yang setaraf dengan rakan sejawatnya dalam pengurusan integriti dan tadbir urus serta bebas rasuah.

Melalui pewujudan dokumen ini, segala usaha dalam menangani isu-isu governans, integriti dan rasuah di peringkat agensi telah didokumenkan dan akan menjadi panduan kepada semua kakitangan Nuklear Malaysia. Dokumen ini diharap dapat memberi satu anjakan menuju fasa sebuah negara yang beretika dengan mendukung integriti yang tinggi berteraskan nilai-nilai murni.

Latar Belakang dan Hala Tuju

Latar Belakang

Sejarah agensi bermula pada 11 November 1971 apabila satu jawatankuasa yang dikenali sebagai Pusat Penyelidikan dan Aplikasi Tenaga Nuklear (CRANE) ditubuhkan, bagi mengkaji kemungkinan Malaysia menceburi bidang teknologi Nuklear. Usul ini telah diterima dan diluluskan dalam mesyuarat Jemaah Menteri pada 19 September 1972 yang menyokong cadangan terhadap keperluan Malaysia menubuhkan pusat penggunaan dan penyelidikan teknologi nuklear.

Pada Ogos 1973, Jawatankuasa Perancangan Pembangunan Negara mencadangkan untuk menamakan pusat ini sebagai Pusat Penyelidikan Atom Tun Ismail (PUSPATI) dan telah diiktiraf sebagai pusat penyelidikan kebangsaan. PUSPATI telah diletakkan di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Alam sekitar (MOSTE). Tahun 1983 merupakan detik penting bagi agensi apabila diberikan identiti baru iaitu Unit Tenaga Nuklear (UTN). Serentak dengan itu, UTN telah dipindahkan dari MOSTE ke Jabatan Perdana Menteri (JPM).

Ini memberi impak yang besar kepada peranan agensi kerana buat pertama kalinya aktiviti nuklear yang melibatkan perancangan polisi negara dan kegiatan operasi nuklear disatukan di bawah naungan JPM. Namun pada 27 Oktober 1990, UTN telah dipindahkan semula ke MOSTE. Jemaah Menteri dalam mesyuaratnya pada 10 Ogos 1994, telah meluluskan pertukaran nama UTN kepada Institut Penyelidikan Teknologi Nuklear Malaysia (MINT). Logo baru juga telah diperkenalkan pada 22 Oktober 2009 ketika Hari Pelanggan MINT, yang juga julung kali diadakan. Bagi memberi arah hala tuju yang lebih jelas, peranan MINT diperkemas kepada mempertingkat pembangunan dan daya saing ekonomi negara melalui kecemerlangan dalam teknologi nuklear.



Pada 13 April 2005 sekali lagi agensi mengalami perubahan entiti apabila digazet dengan nama baru iaitu Agensi Nuklear Malaysia (Nuklear Malaysia). Kini Agensi Nuklear Malaysia terus melebarkan sayap dalam mengembangkan penyelidikan, pembangunan, pengkomersialan dan inovasi (R&D&C&I) bagi menyokong aspirasi negara.

Hala Tuju

- **VISI:** Menerajui Penyelidikan, Pembangunan, Pengkomersialan dan Inovasi (R&D&C&I) dalam Sains dan Teknologi Nuklear untuk Pembangunan Negara yang Mampan.
- **MISI:** Mencipta kekayaan, menjana pengetahuan baru dan memacu pertumbuhan ekonomi dan kesejahteraan sosial menerusi sains dan teknologi nuklear ke arah kemakmuran bersama.
- **TAGLINE:** Teknologi Nuklear Pemacu Wawasan Negara.

Objektif

1. Menjana produk dan teknologi baharu menerusi penyelidikan dan inovasi berasaskan agenda pembangunan negara;
2. Mempertingkatkan kecemerlangan organisasi menerusi perancangan dan pengurusan berkualiti;
3. Memperkasakan Nuklear Malaysia sebagai Organisasi Sokongan Teknikal Kebangsaan dalam bidang nuklear dan teknologi berkaitan; dan
4. Memperkukuhkan hubungan dan kerjasama dengan organisasi antarabangsa.

Dasar Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan dan Alam Sekitar

Suasana persekitaran pekerjaan yang selesa, selamat dan sihat untuk kesejahteraan pekerja, orang awam serta alam sekitar.

Dasar Kualiti

Penyelidikan dan Perkhidmatan Berkualiti untuk Kepuasan Pelanggan dan Kesejahteraan Negara.

Fungsi Agensi Nuklear Malaysia

1. Melaksanakan R&D&C&I dalam bidang sains dan teknologi nuklear;
2. Memberi khidmat sokongan teknikal dan latihan dalam bidang nuklear dan teknologi yang berkaitan;
3. Menyelaras dan mengurus hal ehwal nuklear kebangsaan dan antarabangsa, sebagai agensi penghubung Agensi Tenaga Atom Antarabangsa (IAEA) dan Pihak Berkuasa Kebangsaan bagi Pelaksanaan Triti Pengharaman Menyeluruh Ujian Senjata Nuklear (CTBT); dan
4. Menjadi Pusat Kebangsaan kepada Metrologi Sinaran dan Pengurusan Sisa Radioaktif.

Dasar Integriti Agensi Nuklear Malaysia

- PIN 2004
- GTP 1.0 2010
- GTP 2.0 2012
- NACP 2019-2023
- NACS 2024-2028
- OACP 2026-2030

Usaha memperbaiki governans, budaya integriti dan memerangi rasuah sememangnya sudah lama dilaksanakan di Nuklear Malaysia. Secara kronologi, sebelum ini beberapa inisiatif utama di peringkat nasional telah dibangunkan bermula dengan Pelan Integriti Nasional (PIN) 2004, Pelan Transformasi Kerajaan (GTP) 2010, Pelan Transformasi Kerajaan 2.0 (GTP2.0) 2013, kemudiannya digantikan dengan Pelan Antirasuah Nasional (NACP) 2019-2023.

Pelan yang terkini semasa penulisan dokumen ini adalah Strategi Pembanterasan Rasuah Nasional (NACS) (2024-2028). Ia merupakan kesinambungan daripada Pelan Anti-Rasuah Nasional (NACP) 2019, yang direka sebagai pelan komprehensif bagi menyatukan usaha menangani isu tata kelola, integriti, dan pencegahan rasuah secara menyeluruh.

Keputusan untuk merangka NACS telah dimuktamadkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Anti-Rasuah (JKKMAR) Ke-17 pada 6 Julai 2023 yang dipengerusikan oleh Perdana Menteri. Langkah strategik yang selari dengan piawaian antarabangsa ini bertujuan meneruskan momentum NACP dalam membendung gejala rasuah secara berkesan.

Pembangunan NACS berteraskan kesejahteraan rakyat menerusi agenda Malaysia MADANI. Objektif strategi ini hanya dapat dicapai melalui kerjasama berterusan daripada semua pihak—termasuk ahli politik, sektor awam, sektor swasta, serta organisasi bukan kerajaan (NGO). Hasilnya bukan sahaja bakal memberikan impak positif di peringkat tempatan dan antarabangsa, malah memastikan amalan tata kelola baik, integriti, dan pembanterasan rasuah dapat dirasai secara nyata oleh seluruh rakyat.

Berpandukan dokumen induk NACS, satu dokumen di peringkat agensi telah dibangunkan. Dokumen yang dikenali sebagai OACP ini merupakan satu dokumen rujukan antirasuah untuk menangani permasalahan dan memperbaiki kelemahan governans, integriti dan antirasuah di Nuklear Malaysia.

Pembangunan dokumen OACP di Nuklear Malaysia bermula pada 14 Julai 2026. Jawatankuasa Pelaksanaan dan Pemantauan OACP (JKPPOACP) telah dibentuk pada 3 Ogos 2026. Melalui Bengkel Pemantapan Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) Agensi Nuklear Malaysia yang diadakan pada 28 Ogos 2026, dokumen OACP telah lengkap dideraf. Pada 1 November 2026, dokumen OACP 2026-2030 telah berjaya disiapkan.





Logik Akal *(Common Sense)* dalam Konteks Tatakelola, Integriti dan Rasuah

Istilah *common sense* diterjemahkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka sebagai akal budi (akal sihat), logik akal, atau pertimbangan asas yang praktikal. Ia merupakan sifat paling asas manusia untuk membuat pertimbangan berkaitan perkara harian untuk membuat keputusan yang selamat dan munasabah untuk dirinya dan orang lain di sekelilingnya. Ia menjadi kompas moral yang membolehkan manusia hidup bermasyarakat. Tanpanya, hidup kita akan menjadi kucar-kacir.

Ciri-ciri pertimbangan logik akal adalah mudah difahami oleh semua orang tanpa perlu penjelasan dan pembuktian yang kompleks kerana kesannya mudah dirasakan sendiri oleh setiap individu. Sebagai contoh, berbuat bising pada waktu lewat malam di dalam kawasan kejiranan. Lazimnya, pada waktu malam manusia memerlukan tidur untuk berehat, dan ini merupakan perkara yang tidak perlu dijelaskan atau dihujahkan lagi. Perbuatan bising pada lewat malam juga tidak perlu dihujah sama ada mengganggu tidur manusia lain atau tidak. Maka, pertimbangan logik akal manusia yang munasabah adalah untuk tidak berbuat bising pada waktu lewat malam.

Apakah pertimbangan logik akal anda berkaitan mengambil hak orang lain tanpa kebenaran? Adakah seseorang itu akan berasa selesa apabila haknya diambil tanpa kebenarannya? Apakah yang akan berlaku sekiranya perkara ini dibiarkan berleluasa? Apakah kesannya kepada masyarakat? Adakah anda boleh berasa selamat untuk hidup di dalam komuniti ini? Adakah anda selesa dengan keadaan ini?

Di tempat kerja anda, adakah anda berasa selesa ponteng kerja kerana penyelia tidak tahu? Adakah anda selesa membuat tuntutan palsu kerana merasakan tiada orang yang akan tahu? Adakah anda selesa memfabrikasi data kerja-kerja penyelidikan? Adakah anda selesa melantik syarikat saudara terdekat sebagai pembekal? Adakah anda selesa jika anda seorang majikan dan pekerja-pekerja anda melakukan perkara tersebut? Adakah perbuatan anda selari dengan amalan agama anda?

Sekarang, cuba jawab soalan-soalan berikut: Apakah perasaan anda jika anda diadukan melalui Sistem Pengurusan Aduan Awam (SISPAA) kerana ponteng? Bagaimanakah pula jika imej anda terpapar di muka depan akhbar kerana tuntutan palsu, menerima rasuah, atau menipu data?

Adakah anda akan selesa apabila berada dalam tindakan dan siasatan unit integriti atau SPRM? Dipanggil untuk soal siasat atau perbicaraan mahkamah sehingga anda tidak boleh mengatur hidup anda sendiri? Tidak pasti tentang masa hadapan, apakah akan dipenjara, dibuang kerja, diturunkan pangkat, dan sebagainya? Tiada pendapatan untuk menyara keluarga dan membayar komitmen bulanan. Apakah kesan psikologi kepada anak-anak dan ahli keluarga apabila mereka berdepan dengan rakan sekolah atau jiran tetangga?

Pastinya akibat-akibat di atas tidak memerlukan penjelasan yang panjang lebar. Tiada siapa yang berakal fikiran sempurna menjadi gembira apabila mendapat malu, dipandang hina, mengalami kesukaran kewangan, kebimbangan, dan kemurungan. Maka, sebelum melakukannya, gunakan logik akal dan pertimbangan asas sebaik-baiknya. Akibat rasuah bukan hanya menimpa diri sendiri. Amalkan *common sense*.

Cabaran Menangani Rasuah Organisasi

Bagi menghadapi krisis rasuah pada hari ini, dunia terdedah kepada pelbagai faktor penyebab yang berkemungkinan menjadi pendorong seseorang individu terlibat dalam aktiviti rasuah. Sama ada memberi atau menerima rasuah, keterbukaan ruang dan peluang boleh berlaku terutamanya dalam sektor perkhidmatan awam yang seterusnya menjurus kepada pelanggaran etika. Mengambil kira fenomena-fenomena rasuah negara, Nuklear Malaysia perlu meningkatkan usaha untuk memerangi gejala rasuah dan memastikan perkhidmatan awam lebih telus dan berintegriti. Tiga (3) kategori isu rasuah yang dihadapi adalah:

1. **Integriti:** Penyalahgunaan kuasa dan kebocoran maklumat secara berleluasa seterusnya mewujudkan peluang, ruang dan pelanggaran integriti.
2. **Tadbir Urus:** Proses kerja yang tidak teratur dan tidak diurus dengan baik menyebabkan kecenderungan berlaku penyelewengan dan risiko gejala rasuah.
3. **Kompetensi:** Prosedur yang melambatkan sesuatu perkhidmatan menyebabkan penyampaian perkhidmatan awam tidak lancar dan tidak efisien di mata masyarakat.

Punca Rasuah di Nuklear Malaysia

Berdasarkan maklumbalas dan hasil dapatan perbincangan, terdapat beberapa punca yang berpotensi mewujudkan ruang dan peluang untuk kesalahan rasuah seperti berikut:

1. Kurang Ketelusan.
2. Konflik Kepentingan.
3. Kelemahan Pentadbiran.
4. Kelemahan Kawalan Dalaman dan Ketidakpatuhan.
5. Kawalan menguruskan kewangan yang tidak baik dan terdesak mendapatkan wang menyebabkan terlibat dalam gejala rasuah, penyelewengan dan penyalahgunaan kuasa.
6. Kurangnya penghayatan nilai-nilai murni dan tidak patuh dalam tadbir urus membawa kepada perlakuan rasuah.
7. Kawalan dan pemantauan dalaman yang kurang dititikberatkan oleh Jabatan.
8. Kurang peka dalam mematuhi undang-undang dan peraturan semasa yang berkuat kuasa.
9. Kawalan penyeliaan yang tidak telus dan tidak mengambil tindakan ke atas kakitangan yang berprestasi rendah serta melakukan pelanggaran merujuk kepada P.U.A. (395/1993).

(Sumber: Bengkel Corruption Risk Management (CRM) Nuklear Malaysia 2020)





Langkah-Langkah Komprehensif

Nuklear Malaysia sentiasa menyokong seruan kerajaan ke arah membendung gejala rasuah dan mewujudkan persekitaran kerja yang berintegriti dalam kalangan warga kerja. Antara inisiatif yang telah dilakukan adalah seperti melafazkan ikrar bebas rasuah, membangunkan Pelan Pengurusan Risiko Rasuah (CRM) 2020, Pelan Antirasuah Organisasi Nuklear Malaysia (OACP) 2021-2025 dan 2026-2030.

- DASAR INTEGRITI
- IKRAR BEBAS RASUAH
- GARIS PANDUAN PENERIMAAN HADIAH
- GARIS PANDUAN TIDAK HADIR KE PEJABAT
- CRM
- OACP 2026-2030

Bidang-Bidang Berisiko

1. **Pentadbiran:** Bidang pembudayaan integriti, ketelusan pengurusan kewangan, serta pemantapan tatacara kerja tadbir urus di peringkat organisasi.
2. **Infrastruktur:** Bidang pengurusan prasarana, keselamatan fizikal, keselamatan sinaran, dan pengurusan aset agensi.
3. **Penyelidikan dan Pengkomersialan:** Bidang ini meliputi teras utama perkhidmatan agensi dalam aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D) serta pemindahan teknologi nuklear.

"Dan janganlah kamu makan (atau mengambil) harta (orang-orang lain) di antara kamu dengan jalan yang salah dan jangan pula kamu menghulurkan harta kamu (memberi rasuah) kepada hakim-hakim kerana hendak memakan (atau mengambil) sebahagian dari harta manusia dengan (berbuat) dosa, padahal kamu mengetahui (salahnya)"

— Surah Al-Baqarah, Ayat 188



BAB 2
PENGUKUHAN GOVERNANS, INTEGRITI DAN ANTIRASUAH





Keperluan kepada Kerangka Pelan Antirasuah Organisasi

Bagi mewujudkan kestabilan dan kesejahteraan dalam menangani gejala rasuah daripada berleluasa, kerangka OACP dizahirkan untuk tempoh lima (5) tahun akan datang bermula tahun 2026 sehingga tahun 2030.

Pembangunan Pelan OACP Nuklear Malaysia adalah selaras dengan Strategi Pembanterasan Rasuah Nasional (NACS) 2024–2028 di bawah Strategi Sub-Bidang Kebertanggungjawaban Awam, yang mewajibkan agensi sektor awam membangunkan pelan pencegahan rasuah organisasi berdasarkan penilaian risiko antirasuah yang menyeluruh.


> *"OACP Nuklear Malaysia ini akan dijadikan sebagai panduan utama dalam memacu ketelusan dan menerapkan prinsip integriti serta kebertanggungjawaban dalam semua sistem dan prosedur sektor awam. Pelan ini juga bertujuan untuk menghapuskan penyalahgunaan kuasa, mengekang campur tangan politik, menghentikan kronisme serta penyelewengan dan kelemahan dalam tadbir urus di jabatan."*
>
> *— **Dr. Muhammad Rawi bin Mohamed Zin (Ketua Pengarah Agensi Nuklear Malaysia)***

Kerangka Pelan Antirasuah Organisasi

- **VISI:** Melahirkan warga Nuklear Malaysia yang berintegriti
- **MISI:** Memperkasakan tadbir urus dan integriti warga melalui pematuhan peraturan dan arahan yang berkuat kuasa
- **MATLAMAT (2026-2030):** Menangani kelemahan tadbir urus *(governans)*, integriti, dan rasuah di peringkat dalaman, serta memastikan pentadbiran berjalan dengan bebas daripada salah guna kuasa dan penyelewengan.

Ringkasan Pelan Antirasuah Organisasi Nuklear Malaysia 2026-2030

- **3** Bidang Keutamaan Berisiko
- **3** Strategi
- **6** Objektif Strategik
- **28** Risiko
- **34** Inisiatif



Bidang Keutamaan Berisiko Pelan OACP

1. **Pentadbiran:** Bidang keutamaan ini berfokus kepada pembudayaan integriti, ketelusan pengurusan kewangan, serta pemantapan tatacara kerja tadbir urus di peringkat organisasi.
2. **Infrastruktur:** Bidang ini memberikan tumpuan kepada pengurusan prasarana, keselamatan fizikal, keselamatan sinaran, dan pengurusan aset agensi.
3. **Penyelidikan dan Pengkomersialan:** Bidang keutamaan ini meliputi teras utama perkhidmatan agensi dalam aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D) serta pemindahan teknologi nuklear.


Tiga Strategi Pelan Antirasuah Organisasi

1. **Strategi 1:** Memperkukuh Tatakelola Perolehan, Kewangan, dan Penyampaian Pentadbiran Organisasi
2. **Strategi 2:** Memperkasa Pengurusan Infrastruktur termasuk Maya (ICT), Keselamatan Fizikal dan Sinaran
3. **Strategi 3:** Menerajui R&D dan Pemindahan Teknologi Nuklear/Sinaran bagi Pembangunan Negara

Mengenalpasti Potensi Risiko Rasuah

Dalam usaha mengenal pasti risiko-risiko berkaitan tadbir urus, integriti dan kompetensi di jabatan, JKPPOACP telah menganalisis beberapa data yang berkaitan bagi membantu mengenal pasti risiko-risiko yang wujud.





BAB 3
MEMPERKASA USAHA PENCEGAHAN RASUAH (SENARAI INISIATIF 2026-2030)





Bab ini memperincikan Strategi, Objektif Strategik dan senarai penuh 34 inisiatif mengikut bidang keutamaan berisiko yang ditetapkan bagi tempoh tahun 2026 sehingga tahun 2030.

Bidang Keutamaan 1: Pentadbiran

Strategi 1: Memperkukuh Tatakelola Perolehan, Kewangan, dan Penyampaian Pentadbiran Organisasi

Objektif Strategik 1.1: Meningkatkan kecekapan pengurusan kewangan agensi.

Potensi Risiko:

i) Penipuan dan pemalsuan dokumen tuntutan bekalan makanan oleh pembekal perkhidmatan.
ii) Emolumen terlebih bayar atas ketidakhadiran kakitangan.
iii) Pegawai tidak menaiki pesawat setelah waran perjalanan udara dikeluarkan.
iv) Manipulasi dan penyelewengan dalam pengurusan perolehan.

TEMPOH MASA (2026-2030)		
BIL.	**INISIATIF**	**PENERAJU / PELAKSANA**
1	Memastikan pematuhan prosedur mengikut Pekeliling Perbendaharaan Malaysia PK 7.5 (Pindaan 15 Julai 2019) dan semakan terperinci pematuhan dokumen.	UPA, BKP
2	Memantapkan proses permohonan pemotongan emolumen terlebih bayar atas ketidakhadiran kakitangan daripada pegawai penyelia atau bahagian yang terlibat.	UPPH, BKP
3	Mengenakan tindakan punitif dan tatatertib kepada pelaku dan pegawai penyelia yang didapati bersalah dalam isu emolumen terlebih bayar.	UNIT INTEGRITI
4	Memastikan pematuhan kepada Pekeliling Perbendaharaan yang berkuatkuasa dan memberi peringatan pematuhan waran perjalanan.	UNIT KEWANGAN, BKP
5	Mengenakan tindakan punitif dan tatatertib kepada pegawai yang tidak menaiki pesawat setelah waran perjalan udara dikeluarkan sekiranya terdapat unsur salahlaku atau alasan yang tidak munasabah.	UNIT INTEGRITI
6	Memastikan semua proses perolehan dilaksanakan mengikut tatacara perolehan dan Pekeliling Perbendaharaan yang berkuat kuasa.	UPA, BKP



Objektif Strategik 1.2: Meningkatkan disiplin dan integriti kakitangan.

Potensi Risiko:

i) Tidak berada di tempat bertugas tanpa kebenaran atau kelulusan daripada pihak penyelia atau Ketua Jabatan.
ii) Menyalahgunakan kedudukan rasmi demi kepentingan peribadi.
iii) Pegawai terdedah kepada rasuah akibat keberhutangan yang serius.
iv) Pelanggaran urusan persendirian atau rasmi ke luar negara.
v) Penerimaan hadiah tanpa kelulusan dan pengetahuan Ketua Jabatan.
vi) Mengeluarkan kenyataan awam atau maklumat rasmi yang mencemarkan imej kerajaan atau bertentangan dengan dasar kerajaan tanpa kebenaran.

TEMPOH MASA (2026-2030)		
BIL.	**INISIATIF**	**PENERAJU / PELAKSANA**
1	Melaksanakan pemeriksaan dan semakan mengejut keberadaan pegawai di pejabat.	UNIT INTEGRITI
2	Memastikan Polisi Konflik Kepentingan dipatuhi dan memberi peringatan kesedaran kepada kakitangan berkaitan konflik kepentingan.	UNIT INTEGRITI
3	Memberi peringatan dan kesedaran berkaitan integriti dan kesalahan rasuah.	UNIT INTEGRITI
4	Menyemak dan memantau status kewangan pegawai yang melebihi 60% potongan di dalam penyata gaji bulanan.	UNIT INTEGRITI
5	Meningkatkan kesedaran warga organisasi berkaitan salah laku dalam urusan dan perjalanan ke luar negara.	UNIT INTEGRITI
6	Meningkatkan kesedaran warga organisasi berkaitan salah laku penerimaan hadiah tanpa kelulusan dan pengetahuan Ketua Jabatan	UNIT INTEGRITI
7	Mengenakan tindakan punitif dan tatatertib kepada pegawai di bawah Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 [P.U. (A) 395/1993].	UNIT INTEGRITI





Bidang Keutamaan 2: Infrastruktur

Strategi 2: Memperkasa Pengurusan Infrastruktur termasuk Maya (ICT), Keselamatan Fizikal dan Sinaran

Objektif Strategik 2.1: Meningkatkan keselamatan fizikal dan sinaran.

Potensi Risiko:

) Kemasukan barang terlarang ke dalam premis yang boleh menjejaskan keselamatan warga dan aset jabatan.

ii) Ruang sisa radioaktif tidak aktif yang tidak mencukupi.

iii) Prosedur nyahcemar tidak dapat dilakukan.

iv) Kecederaan fizikal dan kerosakan peralatan.

v) Pencemaran radioaktif kepada pekerja.

vi) Jangkitan penyakit/masalah kesihatan kepada pekerja animal handler.

vii) CCTV sering tidak berfungsi.

viii) Kakitangan terdedah kepada risiko kebakaran bangunan.

ix) Kerosakan peralatan makmal akibat makhluk *(Pest Control).*

TEMPOH MASA (2026-2030)		
BIL.	**INISIATIF**	**PENERAJU / PELAKSANA**
1	Memastikan SOP pemeriksaan keluar masuk kenderaan ke dalam premis dikuatkuasa dan dipatuhi.	UKF, BKP
2	Menyediakan stor bahan radioaktif yang mencukupi.	BAS
3	Melaksanakan pemeriksaan *emergency shower* secara berkala untuk makmal-makmal yang mempunyai kemudahan *emergency shower* di BAS.	BAS
4	Melaksanakan penyelenggaraan cegahan berkala bagi memastikan peralatan dalam keadaan baik dan selamat.	BKJ
5	Menambahbaik dan mewujudkan SOP keselamatan di makmal.	BAB
6	Memastikan pegawai yang terlibat dalam pengendalian alat dan langkah keselamatan untuk menghadiri *Refresher Course* berkaitan.	BAB
7	Memperketatkan dan memantau pematuhan SOP keselamatan makmal.	BTP
8	Memastikan pegawai yang terlibat dalam pengendalian alat, haiwan makmal dan langkah keselamatan untuk menghadiri *Refresher Course* berkaitan.	BTP
9	Memperketat dan memantau pematuhan SOP pengendalian haiwan makmal.	BTP
10	Mengenalpasti punca kekerapan kerosakan CCTV untuk meminimumkan kadar kerosakan CCTV serta tindakan pembaikkan secara berterusan.	BKJ
11	Melaksanakan penyelenggaraan cegahan dan pembaikan untuk sistem fire alarm dan fighting sistem dari masa ke semasa untuk meningkatkan tahap ketersedian kemudahan ini untuk menghadapi sebarang risiko kebakaran.	BKJ
12	Menjalankan aktiviti *Pest Control* secara umum dan bersasar untuk mengatasi masalah ancaman makhluk perosak mengikut keperluan secara berterusan.	BKJ



Objektif Strategik 2.2: Meningkatkan penyelenggaraan aset, infrastruktur fizikal dan maya (ICT).

Potensi Risiko:

i) Kerosakan dan kehilangan aset kerajaan.

ii) Menyalahgunakan aset kerajaan.

TEMPOH MASA (2026-2030)		
BIL.	**INISIATIF**	**PENERAJU / PELAKSANA**
1	Melaksanakan pemeriksaan aset alih jabatan secara berkala.	UPA, BKP
2	Mengenakan tindakan punitif kepada pegawai yang didapati bersalah dalam menyalahgunakan aset jabatan.	UNIT INTEGRITI

Bidang Keutamaan 3: Penyelidikan dan Pengkomersialan

Strategi 3: Menerajui R&D dan Pemindahan Teknologi Nuklear/Sinaran bagi Pembangunan Negara

Objektif Strategik 3.1: Meningkatkan impak aktiviti penyelidikan dan teknologi berkaitan nuklear dan sinaran.

Potensi Risiko:

i) Peralatan saintifik yang tidak digunakan secara optimum.

ii) Projek diketuai oleh pegawai yang tidak mempunyai kepakaran atau kompetensi yang bersesuaian.

TEMPOH MASA (2026-2030)		
BIL.	**INISIATIF**	**PENERAJU / PELAKSANA**
1	Melaksanakan pemantauan dan pemeriksanaan rutin Jawatankuasa Audit Peralatan (JKAP).	BST
2	Memperkasa mekanisme semakan kesesuaian kepakaran dan kompetensi Ketua Projek dengan bidang projek.	RMC



Objektif Strategik 3.2: Meningkatkan pencapaian pengkomersialan hasil penyelidikan dan perkhidmatan teknikal.

Potensi Risiko:

i) Akaun belum terima (ABT) semakin meningkat.

ii) Kerugian kadar caj terdahulu tidak relevan mengikut harga pasaran semasa.


iii) Kebocoran maklumat pelanggan.

iv) Kebocoran maklumat Nuklear Malaysia.

v) Penganugerahan dana tanpa proses yang telus.

TEMPOH MASA (2026-2030)		
BIL.	**INISIATIF**	**PENERAJU / PELAKSANA**
1	Menambahbaik mekanisma kawalan kredit dan mewajibkan bayaran penuh bagi semua perkhidmatan sebelum laporan atau perkhidmatan diserahkan.	BKT
2	Melaksanakan kajian semula struktur kadar caj perkhidmatan teknikal dan pengkomersialan secara berjadual berasaskan garis panduan yang sedang berkuatkuasa.	BKT
3	Menandatangani *Non-Disclosure Agreement* (NDA) dan/atau Ikrar Integriti (*Integrity Pact*) pada peringkat awalan pendaftaran pelanggan/industri dalam platform sebelum perkhidmatan teknikal/komersial dimulakan, dengan jejak audit log.	BKT
4	Meningkatkan keupayaan pelayan (*server*) dan juga kempen kesedaran keselamatan maklumat beserta ISO 27001:2022.	BST
5	Memperkukuh mekanisme penilaian dan penganugerahan dana yang telus, adil dan berasaskan kriteria yang ditetapkan.	RMC

BAB 4
PELAKSANAAN DAN PEMANTAUAN USAHA PENCEGAHAN RASUAH





Mekanisme Pelaksanaan

Selaras dengan usaha untuk memastikan inisiatif antirasuah Nuklear Malaysia dilaksanakan secara cekap dan sistematik, Unit Integriti Nuklear Malaysia bertindak sebagai Sekretariat penyelaras OACP Nuklear Malaysia yang berperanan memantau, menilai dan melapor pencapaiannya.

Mesyuarat Jawatankuasa Tatakelola (JTK) Nuklear Malaysia hendaklah berfungsi sebagai platform utama yang menerima laporan, membincangkan, membuat keputusan dan memantau pelaksanaan inisiatif-inisiatif OACP sepertimana yang dinyatakan dalam Arahan YAB Perdana Menteri No. 1 Tahun 2018, Siri 2 No. 1 Tahun 2019 berkaitan Pemantapan Tadbir Urus, Integriti dan Antirasuah Dalam Pengurusan Pentadbiran Kerajaan Malaysia: Pelaksanaan Pelan Antirasuah Nasional.

Bagi memantapkan sistem pemantauan pelaksanaan Pelan Antirasuah (OACP) Nuklear Malaysia, keterlibatan dan kerjasama yang menyeluruh daripada pihak pengurusan tertinggi, warga Nuklear Malaysia, pelanggan dan pemegang taruh adalah penting agar OACP Nuklear Malaysia bergerak seiring dengan NACS yang telah ditetapkan oleh Kerajaan.

Jawatankuasa Pelaksanaan dan Pemantauan OACP Nuklear Malaysia hendaklah ditubuhkan dan melaksanakan tugas-tugas berikut:

a. Mesyuarat Jawatankuasa Tatakelola (JTK) Peringkat Kementerian

- Melaporkan status pencapaian dan pelaksanaan OACP Nuklear Malaysia.
- Membincangkan isu-isu berkenaan integriti, governans dan rasuah di Jabatan.

b. Mesyuarat Jawatankuasa Tatakelola (JTK) Nuklear Malaysia

- Pembentangan status pencapaian dan pelaksanaan inisiatif di bawah OACP sebanyak tiga (3) kali setahun.
- Mengenal pasti penyelesaian terbaik isu-isu berkenaan integriti, governans dan rasuah di Jabatan.
- Membuat keputusan penting selari dengan kepentingan organisasi.

c. Mesyuarat Jawatankuasa Pelaksanaan dan Pemantauan OACP Nuklear Malaysia

- Memastikan inisiatif-inisiatif dalam OACP dilaksanakan berdasarkan sasaran dan tempoh masa yang ditetapkan.
- Mengemukakan pelaporan pelaksanaan inisiatif secara suku tahun kepada Unit Integriti selaku Urus Setia Induk OACP.



Mekanisme Penyelarasan, Pemantauan dan Penilaian

Ahli JKPPOACP Bahagian/Unit bertanggungjawab melaksanakan pemantauan dengan langkah-langkah berikut:

- Membandingkan pencapaian semasa berbanding sasaran yang telah ditetapkan.
- Membincangkan kekangan atau cabaran yang dihadapi dalam Mesyuarat Pengurusan Bahagian/Unit.
- Menyediakan laporan berkala kepada Unit Integriti tiga (3) kali setahun sebelum Mesyuarat JTK Jabatan diadakan.

Unit Integriti selaku Urus Setia Induk OACP Nuklear Malaysia bertanggungjawab melaksanakan penyelarasan seperti berikut:

- Memberikan khidmat nasihat serta mengenal pasti penyelesaian terbaik bagi pelaksanaan OACP.
- Melaporkan status pelaksanaan OACP tiga (3) kali setahun kepada pengurusan tertinggi semasa Mesyuarat JTK Jabatan.
- Menerima laporan tiga (3) kali setahun daripada ahli JKPPOACP Bahagian/Unit.

Penilaian keberkesanan OACP Nuklear Malaysia perlu dijalankan dari semasa ke semasa bagi mencapai tujuan berikut:

- Mengenal pasti kelemahan dan kekuatan bagi setiap pelan tindakan.
- Menilai keselarasan pelan tindakan dalam menyokong pencapaian objektif yang ditetapkan.
- Memastikan pelaksanaan aktiviti berjalan mengikut perancangan.
- Menyediakan saluran maklum balas yang bersesuaian mengikut keperluan dan situasi semasa.



BAB 5
KESIMPULAN DAN HARAPAN MASA HADAPAN





KESIMPULAN DAN HARAPAN MASA HADAPAN

Sebagai sebuah agensi kerajaan, Nuklear Malaysia tidak terkecuali daripada ancaman rasuah dan penyelewengan yang melibatkan warga kerjanya. Usaha membendung gejala rasuah sentiasa dijadikan agenda utama organisasi menerusi pelaksanaan program kesedaran, pengukuhan kawalan dalaman, serta penguatkuasaan tindakan tegas terhadap mana-mana warga kerja yang melakukan pelanggaran tatatertib mahupun jenayah. Selaras dengan hasrat ini, OACP Nuklear Malaysia dibangunkan sebagai kerangka kerja strategik bagi memastikan agensi sentiasa dipandu oleh prinsip integriti dan tadbir urus yang cemerlang.

OACP Nuklear Malaysia menggariskan pelan tindakan antirasuah bagi tempoh lima (5) tahun (2026–2030). Berdasarkan penilaian risiko menyeluruh, sebanyak **34 inisiatif** utama telah dirangka dan diberi keutamaan untuk menangani kelemahan dalam aspek integriti, governans, dan antirasuah secara sistematik. Pelan ini bertindak sebagai kawalan dalaman yang penting bagi mengurus dan meminimumkan risiko rasuah secara berkesan.

Bagi memastikan kejayaan OACP Nuklear Malaysia, pelaksanaan setiap inisiatif akan dipantau secara berterusan serta dinilai pada setiap tahun mengikut perkembangan semasa agar kekal selari dengan matlamat yang ditetapkan. Komitmen padu daripada seluruh warga kerja merupakan pemangkin utama kejayaan pelan ini, sekali gus menjadi panduan antirasuah yang jelas. Pembangunan pelan ini mencerminkan komitmen penuh agensi dalam menyokong usaha Kerajaan memperkasakan tadbir urus dan integriti dalam pentadbiran awam.

Di samping itu, OACP Nuklear Malaysia turut menetapkan mekanisme penyelarasan, pemantauan, dan penilaian bagi memastikan semua pelan tindakan dapat dilaksanakan mengikut perancangan. Dokumen ini bersifat “dokumen hidup” yang akan sentiasa dikaji dan dikemas kini mengikut kesesuaian serta perubahan semasa untuk memastikan ia sentiasa relevan dan menjadi satu dokumen rujukan yang berkualiti.



PENGHARGAAN



Agensi Nuklear Malaysia merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Institut Integriti Malaysia (IIM), serta seluruh warga kerja dan Jawatankuasa Pelaksanaan dan Pemantauan OACP yang telah memberikan komitmen padu serta sumbangan dalam menjayakan pembangunan Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) 2026–2030 ini.

AHLI JAWATANKUASA PELAKSANAAN & PEMANTAUAN PELAN ANTIRASUAH ORGANISASI (OACP) AGENSI NUKLEAR MALAYSIA

BIL.	NAMA	BAHAGIAN
1	TS. CHM. DR. MOHD YUSOF BIN HAMZAH	BTS
2	DR. MOHAMMED IQBAL BIN SHUEB	BTS
3	PUAN NORAZLINA BINTI NOORDIN	BAB
4	DR. AHMAD ZAINURI BIN MOHD DZOMIR	BAB
5	ENCIK SYIRRAZIE BIN CHE SOH@SHAARI	BKJ
6	ENCIK AHMAD FITRY BIN KAMARUZAMAN	BKP
7	PUAN NUR ADILAH BINTI ABDULL HALIM	BKP
8	ENCIK AHMADSHAH BIN OTHMAN	BKP (UKF)
9	ENCIK SOON LII CHYI	BPM
10	PUAN SUHAILA HANI BINTI ILIAS	BTI
11	DR. NOOR FADILLA BINTI ISMAIL	BKS
12	PUAN SABARIAH BINTI KADER IBRAHIM	BKT
13	PUAN AZLINDA BINTI AZIZ	BPA
14	ENCIK MOHD IZWAN BIN ABDUL ADZIZ	BAS
15	PUAN NORHAZIRAH BINTI AZHAR	BSM
16	TS. MOHD DZUL AIMAN BIN ASLAN	BST
17	ENCIK MOHD RIZAL BIN MAMAT @ IBRAHIM	BST
18	PUAN NURUL NAZEERAH BINTI JUARIMI	BTP
19	PUAN FAIRUZ BINTI FAISAL	RMC
20	PUAN SITI SYARIZWA BINTI MOHD SHAHAR	BKP
21	PUAN NORASIAH BINTI AB. KASIM	BKT

Agensi Nuklear Malaysia
Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi
Bangi, 43000 Kajang
Selangor Darul Ehsan